

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

21 SEP PELAJAR USM BERBAKTI DI ACHEH: MENGEJAR IBRAH TSUNAMI

BxxJeNUTKjPHnes57x15dzP81CWF5dRu1Exd4Z23FWYo3yaF93yru WODtpLSCAcJ7 Y8N3YppTH7tYSH
y1F4

Seramai 40 pelajar dan 7 pegawai pengiring mengadakan program Mengejar Ibrah Tsunami di Bumi Aceh selama empat hari bermula 10 September 2015, anjuran Majlis Penghuni Desasiswa Jaya (MPDJ), Majlis Penghuni Desasiswa Fajar Harapan (MPDFH) dan Majlis Penghuni Desasiswa Restu (MPDR) yang bernaung di bawah Sekretariat Lestari Alam Nusantara (SALINDRA) dengan Yang Dipertua MPDJ Mohamad Iddin Ikram Bin Mohd Aminuddin sebagai Pengarah Projek.

Menurut Penggawa Desasiswa Jaya, Profesor Madya Dr. Mohamad Hekarl Bin Uzir yang mengetuai projek tersebut, pelbagai iktibar dan pengajaran diperolehi oleh peserta sepanjang berada di Aceh.

vCgKORfkx6RJVDXIwNgUlyPlIdsqS264of9tk260lzoxCu4cGgSHM k3u1ZkucJQCrRxd4w
JaDGNHy9OvYSM

"Lawatan ini bukan hanya lawatan akademik tetapi juga untuk memenuhi keperluan penduduk dan mendalami kejadian tragis yang menimpa penduduk Aceh pada 26 Disember 2004. Di samping beberapa program lain seperti Penanda Aras dan Lawatan Balas bersama empat penjuru universiti, Khidmat Komuniti di Pesantren Dar Maryam dan Transformasi Budaya bersama Wali Kota, Aceh Indonesia," kata Mohamad Hekarl.

Program Penanda Aras bersama empat buah universiti merupakan program utama lawatan ini yang melibatkan Universiti Sains Malaysia, Universitas Syiah Kuala, Universitas Islam Negeri Arhraniry dan Universitas Ubudiyah Indonesia dipertemukan di meja persidangan dengan mengupas aspek pembangunan dan transformasi di universiti masing-masing.

"Kami juga mengambil peluang itu untuk mengucapkan penghargaan atas bantuan dan sokongan universiti-universiti di Aceh terhadap mangsa-mangsa yang terlibat dalam kemalangan di Aceh yang mengorbankan seorang pelajar tahun akhir jurusan Kejuruteraan Sumber Mineral, Muhamad Izzamir Nabihan A Majid," kata Mohamad Hekarl lagi.

YMbWBBFBNYjy2sFUUm0NBnuByPyn8IKm
IcLDXgFQ0cEQpZFEOny74vQDIfzRZ5TOb2zS744x8qQq1ygozeeKTw

Tambahnya, program ini turut mendapat kerjasama Persatuan Kebangsaan Pelajar Indonesia Malaysia (PKPMI) terutamanya Yang Dipertuanya, Ustaz Amir Bin Ahmad Pohat.

"Lawatan ini adalah merupakan satu program yang amat baik kerana melibatkan seluruh komuniti yang memerlukan khidmat sedemikian malah Wali Kota Aceh turut berbangga dengan kehadiran pelajar USM pada malam Transformasi Budaya dengan persembahan Dikir Barat dan kami berharap agar program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan," kata Amir.

gQphRc10NDz0vxjTGL1PZpA59jTHjHmCGiaYKMpP7U4eoxxdc
WiBfAs1WGqimLfhaophxcRkpqGxvlWVICZM

Para peserta juga turut membantu anak-anak yatim peninggalan Tsunami di Pesantren Dar Maryam termasuk sesi motivasi, gotong royong mengecat pondok aktiviti, pemasangan Lampu Solar LED dan kenduri rewang.

SUNTINGAN SEMULA DARIPADA TEKS ASAL: Ruziatun Amirah Ismail



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015